

11 JAN 2001

Rafidah-Keadilan

ORANG MELAYU PERLU SEDAR KEADILAN BUKAN PARTI PERJUANG HAK MEREKA

KUALA KANGSAR, 11 Jan (Bernama) -- Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz berkata orang Melayu perlu sedar bahawa parti Keadilan bukan parti yang memperjuangkan nasib orang Melayu, tapi nasib individu tertentu iaitu Anwar Ibrahim.

Kenyataan Ketua Pemuda Keadilan Mohamed Ezam Noor semalam yang mengatakan Keadilan bukan parti Melayu dan tidak patut terlibat dalam isu perbincangan agenda perpaduan Melayu menjelaskan "belang" parti itu, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Hari Raya Persatuan Bekas Tentera (PBT) Manong di Manong kira-kira 20 km dari sini hari ini. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri dan Usahawan serta Penerangan Negeri Datuk Ramly Zahari yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Manong, dan Presiden PBT Datuk Muhammad Ghani.

Rafidah berkata dalam soal memperjuangkan nasib orang Melayu, Umno dan Keadilan jauh berbeza.

"Keadilan cuma perjuangkan nasib seorang individu. Bermakna yang memberi sokongan kepada Keadilan tidak memberi sokongan kepada orang Melayu dan tidak ada langsung memberi sokongan dalam konteks masyarakat majmuk dan berbilang kaum di negara ini," katanya.

Beliau berkata orang Melayu harus sedar, Umno memperjuangkan masyarakat Melayu dan Islam, serta hak-hak rakyat Malaysia dan negara seperti yang tercatat dalam Perlembagaan parti.

Mengenai ura-ura seorang lagi muka baru di kalangan Wanita Umno akan dilantik ke kabinet dalam rombakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rafidah berkata: "Itu adalah hak mutlak Perdana Menteri."

Beliau bagaimanapun berharap pemimpin-pemimpin wanita yang dipilih atau digugurkan perlu berpegang kepada konsep rezeki dan takdir, serta menerima keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri.

"Jika sudah sampai masa untuk pergi, pergilah kita dan jika naik, naiklah kita, sudah ditentukan Allah S.W.T rezeki masing-masing," katanya.

Mengenai pemilihan di peringkat bahagian Umno, mulai Mac depan, Rafidah berkata: "Anggota Umno, baik di peringkat wanita, pemuda dan juga bahagian jangan terlalu menumpu perhatian pada soal ganti menggantikan kepimpinan kerana parti sedang menghadapi pelbagai cabaran."

Katanya, kini perlu ada penyatuan tenaga yang memberi fokus kepada tiga perkara utama iaitu menyelesaikan masalah dalaman parti, menangani isu semasa yang melibatkan parti dan memastikan Umno mempunyai ketahanan menghadapi apa juga cabaran yang berbentuk ekstremisme yang mampu menggugat bangsa Melayu dan rakyat Malaysia dan negara.

"Jika anggota Umno tertumpu pada soal mengambilalih dan ganti menggantikan di peringkat cawangan dan bahagian, maka mereka tidak ada masa dan tenaga untuk kerja parti, semua akan kerja untuk diri sendiri," katanya.

Beliau berkata bagi Wanita Umno, jika ada bahagian yang rasa wajar ditukar kepimpinan kerana kesihatan atau kurang kemampuan tenaga, lakukanlah dengan berunding dan bertolak ansur...kurangkan berpecah belah.

"Kalau ada pertandingan yang tidak tidak dapat dielakkan, jangan pertandingan itu jadi punca pecah-belah parti hingga ada pilihan raya kecil parti," katanya.

-- BERNAMA.

HK ZB

